

PERBADANAN PEMBANGUNAN HILIR MANHATTAN UMUM KAJIAN REKABENTUK  
BAGI TAPAK PUSAT  
DAGANGAN DUNIA DAN KAWASAN SEKITARNYA

NEW YORK, 15 Ogos /PRNewswire-AsiaNet/ -- Perbadanan Pembangunan Hilir Manhattan (LMDC) hari ini mempelawa para arkitek dan perancang paling inovatif dari seluruh dunia untuk mengambil bahagian dalam kajian rekabentuk LMDC berhubung masa depan tapak Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan kawasan-kawasan sekitarnya.

New York New Visions, satu gabungan 21 pertubuhan senibina, kejuruteraan, perancangan, senibina landskap dan rekabentuk akan menasihatkan LMDC dalam memilih sehingga lima pasukan untuk menyediakan pelan-pelan tambahan bagi konsep untuk fasa berikut proses perancangan.

Pasukan-pasukan terpilih akan menerima ganjaran daripada LMDC dan akan menggunakan satu program baru yang fleksibel yang dimajukan bersama Pihak Berkuasa Pelabuhan New York dan New Jersey sebagai panduan dalam menjalankan kerja mereka.

Pengerusi LMDC John C. Whitehead berkata, "Usaha mencari arkitek dan perancang terbaik dari seluruh dunia mengembangkan dengan signifikan pencarian bagi bakat rekabentuk terbaik.

Matlamat setiap orang dalam program pembinaan semula ini ialah untuk mewujudkan sebuah Manhattan Hilir yang benar-benar indah dan mesra sementara menghormati mangsa-mangsa tragedi September 11."

LMDC akan mengeluarkan satu Notis Pra Kelayakan pada Isnin, 19 Ogos, yang boleh didapati di laman web LMDC, <http://www.RenewNYC.com>. Kajian itu terbuka kepada arkitek-arkitek dan perancang profesional yang berlesen dan arkitek landskap.

Kriteria pemilihan termasuk kualiti produk kerja dalam projek-projek sebelum ini; kerja-kerja inovatif dan cemerlang yang menunjukkan kelayakan unik; dan kriteria tambahan untuk dimajukan bersama New York New Visions.

Tarikh akhir bagi respons kepada RFQ itu ialah 16 September. Sehingga lima

pasukan akan dipilih pada 30 September. Kajian rekabentuk itu akan selesai pada pertengahan November dan menjelang hujung November, semua pasukan mesti mengemukakan kandungan muktamad dan material-material penyampaian, termasuk lukisan, sketsa tangan bebas, persembahan, imej-imej yang dijana komputer dan model-model tapak.

Selaras dengan proses rekabentuk RFQ yang intensif, kakitangan perancangan dan perunding LMDC/Pihak Berkuasa Pelabuhan, termasuk Beyer Blinder Belle dan Peterson Littenberg, akan terus meninjau pendekatan berbeza pada tapak Pusat Dagangan Dunia berdasarkan kepada program-program alternatif yang baru. Semua kerja akan siap bagi kajian umum menjelang hujung tahun kalendar, menamatkan fasa kedua dalam proses perancangan tiga fasa.

SUMBER : PERBADANAN PEMBANGUNAN MANHATTAN HILIR HUBUNGI  
: MATTHEW HIGGINS ATAU NANCY PODERYCKI,  
: KEDUA-DUANYA DI LMDC,  
: 212-962-2300; ATAU  
: MIKE PETRALIA DI PIHAK BERKUASA PELABUHAN  
: 212-435-7777

LAMAN WEB : [HTTP://WWW.RENEWNYC.COM](http://www.renewnyc.com)

TARIKH DISIARKAN : 15 OGOS, 2002

DISIARKAN OLEH BERNAMA PRWIRE MALAYSIA\*GLOBAL